

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2023/2024**

- NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN
PENDIDIKAN
- KOD KURSUS : BBD 20703
- KOD PROGRAM : BBA, BBB, BBC, BBD, BBE, BBF, BBG
- TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2024
- JANGKA MASA : 3 JAM
- ARAHAN
1. JAWAB **SEMUA** SOALAN
 2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
DILAKSANAKAN SECARA
 BUKA BUKU
 TUTUP BUKU
 3. PELAJAR **TIDAK DIBENARKAN**
MERUJUK KEPADA MANA-MANA
SUMBER RUJUKAN BAGI
PEPERIKSAAN YANG
DILAKSANAKAN SECARA TUTUP
BUKU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH EMPAT (24)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A (80 MARKAH)

Soalan ini mengandungi 80 soalan aneka pilihan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang betul sahaja. Tandakan pilihan jawapan dalam kertas OMR yang dibekalkan.

- S1** “Satu proses pertimbangan atau pembuatan keputusan tentang nilai atau prestasi pelajar berdasarkan bukti-bukti yang dikumpulkan” merujuk kepada
- A pengukuran.
 - B pentaksiran.
 - C pengujian.
 - D penilaian.
- S2** Apakah jenis ujian untuk mengenal pasti punca permasalahan pelajar dalam pembelajaran?
- A Sumatif
 - B Formatif
 - C Diagnostik
 - D Penempatan
- S3** Pentaksiran yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap pencapaian pelajar terhadap beberapa topik yang diajar dan keputusan pentaksiran akan menempatkan pelajar mengikut kumpulan merujuk kepada pentaksiran
- A sumatif.
 - B formatif.
 - C kompetensi.
 - D Penempatan.
- S4** Pentaksiran ini dilakukan secara formal, berbentuk mandatori dan bertujuan untuk memberikan gred serta sijil. Ciri-ciri pentaksiran berdasarkan pernyataan tersebut merujuk kepada pentaksiran
- A untuk pembelajaran.
 - B tentang pembelajaran.
 - C sebagai pembelajaran.
 - D merujuk pembelajaran.
- S5** Mengapa Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) perlu digunakan dalam penggubalan item?
- A Meningkatkan kesahan kandungan
 - B Menerangkan sebaran jenis butiran
 - C Meningkatkan kebolehpercayaan
 - D Menerangkan objektif setiap soalan


- S6 Apakah tujuan utama pemeriksaan skrip jawapan dijalankan antara pemeriksa dengan pemeriksa?
- A Mendapatkan kesahan
 - B Meningkatkan keobjektifan
 - C Memperoleh persetujuan bersama
 - D Mendapatkan nilai kebolehpercayaan
- S7 Standard literasi pentaksiran guru merujuk semua perkara di bawah **KECUALI**
- A berkemahiran memilih kaedah pentaksiran yang sesuai dengan hasil pembelajaran.
 - B berkemahiran mentadbir, membuat penskoran dan menginterpretasi keputusan pentaksiran.
 - C berkemahiran menggunakan teknologi dalam membuat persediaan berkaitan perancangan pengajaran dan kaedah pentaksiran.
 - D berkemahiran dalam berkomunikasi menyampaikan hasil pentaksiran dengan pelajar, ibu bapa dan pemegang taruh yang terlibat.
- S8 Cikgu Murni telah menggubal satu set soalan ujian untuk ditadbirkan di dalam kelasnya bagi topik 1 hingga topik 3 tanpa menggunakan JSU sebagai panduan. Soalan tersebut telah diuji kebolehpercayaan dan di dapati nilai kebolehpercayaannya ialah sebanyak 0.57. Hasil analisis item pula mendapati soalan yang diuji kepada pelajar mempunyai aras kesukaran sebanyak 65% mudah, 30% sederhana dan 5% sukar. Pilih pernyataan paling tepat menggambarkan situasi tersebut.
- A Ujian mempunyai kebolehpercayaan tinggi dan kesahan rendah
 - B Ujian mempunyai kebolehpercayaan diragui dan kesahan rendah
 - C Ujian mempunyai kebolehpercayaan rendah dan kesahan yang baik
 - D Ujian mempunyai kebolehpercayaan rendah dan kesahan yang diragui
- S9 Selepas selesai menjawab peperiksaan akhir matematik, pelajar tahun 5 mengadu tidak sedar masa yang diberikan 2 jam untuk menjawab telah tamat dan suasana bilik peperiksaan tidak kondusif. Dari aspek apakah ujian tersebut boleh diperbaiki?
- A Kesahan isi
 - B Kebolehtadbiran
 - C Kesahan ramalan
 - D Kebolehpercayaan
- S10 Berikut adalah ciri-ciri ujian rujukan kriteria **KECUALI**
- A dapat menganalisis prestasi pelajar secara individu.
 - B merupakan satu bentuk laporan mengenai prestasi pelajar.
 - C melibatkan kriteria yang telah dikongsi bersama pelajar.
 - D membezakan kebolehan di antara pelajar dan kesukaran item

S11 Berikut adalah eleman yang dipertimbangkan dalam pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) bagi soalan esei **KECUALI**

- A wajaran.
- B bilangan item.
- C aras kesukaran item.
- D huraian sukatan pelajaran.

S12 **Rajah S12** menunjukkan carta alir proses pembinaan item soalan peperiksaan akhir.

Apakah X pada **Rajah S12**?



Rajah S12

- A Kajian rintis
- B Cetakan soalan
- C Proses semakan soalan
- D Bina skema pemarkahan

S13 Semasa peperiksaan sedang berlangsung, seorang calon telah bertanyakan kepada pengawas peperiksaan tentang kekaburan soalan. Apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh pengawas peperiksaan bagi membantu calon tersebut?

- A Merujuk ketua pengawas peperiksaan
- B Memberi *hint* kepada pelajar tersebut
- C Berhati-hati dalam melayani keperluan pelajar tersebut
- D Menghubungi guru yang mengajar mata pelajaran tersebut

- S14** Manakah yang berikut merupakan soalan jenis subjektif?
- A Struktur
 - B Padanan
 - C Benar-salah
 - D Aneka pilihan
- S15** Keputusan percubaan SPM digunakan untuk menentukan kebolehan pelajar berjaya dalam peperiksaan SPM sebenar merujuk kepada kesahan
- A isi.
 - B serentak.
 - C ramalan.
 - D gagasan.
- S16** Manakah yang **TIDAK TEPAT** mengenai fungsi analisis item?
- A Mengenal pasti item yang kurang jelas maksudnya.
 - B Mengenal pasti item yang terlalu senang atau susah.
 - C Membaiki semula item-item yang didapati tidak baik.
 - D Mengubah markah pelajar kerana didapati ada item yang tidak baik.
- S17** Seorang pensyarah ingin membangunkan soalan peperiksaan akhir yang mempunyai jumlah jam kredit sebanyak 3 jam terhadap 40 orang pelajar. Hasil pembelajaran bagi kursus berkenaan adalah pada aras pemikiran tinggi.
- Manakah yang berikut **PALING SESUAI** untuk dilaksanakan oleh beliau?
- A Membangunkan 120 soalan objektif dengan tempoh masa menjawab ialah 3 jam
 - B Membangunkan 5 soalan esei dengan tempoh masa menjawab ialah 3 jam
 - C Membangunkan 40 soalan objektif dan dua soalan esei dengan tempoh masa menjawab ialah 2 jam
 - D Membangunkan 60 soalan objektif dan satu soalan esei dengan tempoh menjawab ialah 2 jam 30 minit

S18

- Memeriksa setiap skrip jawapan calon secara keseluruhan. Jawapan calon yang mempunyai banyak kesalahan diberikan markah kurang.
- Menyusun skrip-skrip jawapan calon mengikut prestasi, iaitu tinggi ke rendah.
- Menentukan peratus calon yang diberi gred A, B, C, D .
- Memberikan gred kepada skrip jawapan mengikut kumpulan berdasarkan peratusan yang telah dipertimbangkan untuk setiap gred.

Rajah S18

Apakah jenis pemarkahan yang sesuai berdasarkan pernyataan dalam **Rajah S18**?

- A Ordinal
 B Nominal
 C Nisbah
 D Interval

S19 Berdasarkan **Jadual S19**, tentukan min bagi data terkumpul berikut.

Jadual S19

Sela Kelas	Kekerapan (f)	Nilai Tengah (X')	fX'
20 - 24	2	22	44
15 - 19	4	17	68
10 - 14	5	12	60
5 - 9	3	7	21
0 - 4	2	2	4

- A 3.75
 B 12.3
 C 187.4
 D 197.0

S20 Apakah kelebihan pemeriksaan secara holistik berbanding analitik?

- A Pemarkahan lebih objektif dan konsisten
 B Pemeriksaan boleh dilakukan dengan cepat
 C Pemeriksaan memerlukan masa yang lama
 D Pemarkahan boleh dilakukan oleh guru baru

- S21** Suatu item ujian berjawapan pendek diberi markah minimum 0 dan maksimum 10. Tentukan indeks kesukaran berdasarkan **Jadual S21**.

Jadual S21

Pelajar	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10	Jumlah
Markah	6.5	3.5	7.0	2.5	4.5	8.5	9.0	6.5	9.5	5.5	63.0

- A 0.53
 B 0.63
 C 63.0
 D 0.063
- S22** Apakah yang dimaksudkan dengan deskriptor yang terdapat dalam rubrik pentaksiran prestasi?
- A Mengandungi tugas yang spesifik
 B Penerangan tahap pencapaian yang berbeza
 C Pemarkahan yang sepadan dengan penerangan
 D Gerak balas sebenar tugas yang diberi
- S23** Dalam pemeriksaan kertas peperiksaan akhir yang berbentuk esei, Pn Ameena telah memberi markah yang rendah kepada satu jawapan yang baik kerana jawapan tersebut datangnya dari calon yang kurang berkebolehan.
- Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah kesan berat sebelah yang telah dilakukan oleh Pn Ameena dalam pemberian markah?
- A Kesan *halo*
 B Kesan *horn*
 C Kesan ketegasan
 D Kesan kecenderungan memusat
- S24** Seorang pensyarah yang berpengalaman telah memberi markah yang lebih rendah dari jangkaan jika skor yang diberikan oleh pensyarah lain berada dalam lingkungan yang boleh diterima ke atas pelajar yang sama.
- Berdasarkan pernyataan di atas manakah cara yang terbaik untuk mengurangkan ralat yang berlaku?
- A Menyediakan skema yang holistik
 B Mengadakan mesyuarat penyelarasan
 C Mencadangkan pemeriksaan berulang kali
 D Memberi penerangan berkaitan butiran pemarkahan

- S25** Manakah antara berikut **PALING TEPAT** menunjukkan tujuan utama distraktor bagi opsyen yang terdapat dalam soalan aneka pilihan?
- A Menarik calon-calon yang lemah
 - B Mengelirukan calon-calon yang pandai
 - C Menarik calon-calon kepada jawapan betul
 - D Membandingkan kebolehan calon menjawab soalan
- S26** Manakah antara berikut **BENAR** mengenai pembinaan item objektif aneka pilihan?
- A Menguji kandungan pelajaran yang terhad dan pelajar yang ramai
 - B Mudah dibina dan memerlukan kemahiran dalam penggubalan soalan
 - C Soalan tidak boleh diambil dalam buku teks sebaliknya perlu dibina sendiri
 - D Sesuatu item mesti mengandungi stem, stimulus, kunci jawapan dan distraktor
- S27** Manakah antara berikut **TIDAK BENAR** tentang item jenis respons lanjutan?
- A Menjadikan calon lebih kritis
 - B Mengukur tahap kognitif yang tinggi
 - C Bersifat dikotomis dan terhad
 - D Soalan lebih kepada isu sebenar dalam dunia pekerjaan.
- S28** Apakah perkara yang terlibat dalam proses kesahan telahan?
- A Ramalan masa akan datang
 - B Mendapatkan skor yang tinggi
 - C Ujian interpretasi dan kepekaan
 - D Kemahiran dalam objektif khusus
- S29** Manakah yang berikut **KELEMAHAN** pemarkahan jenis analitik?
- A Lebih mudah diperiksa
 - B Sesuai digunakan untuk ujian esei
 - C Boleh diperiksa oleh pensyarah lain
 - D Mudah menyediakan skema pemarkahan
- S30** Apakah perbezaan yang **TEPAT** antara rubrik penilaian dengan skema pemarkahan?
- A Skema bukan untuk jawapan tunggal manakala rubrik untuk jawapan tunggal
 - B Skema dan rubrik penilaian merupakan panduan pemarkahan
 - C Skema mudah untuk dibina tetapi rubrik penilaian sukar untuk dibina
 - D Skema penilaian tidak boleh diberikan kepada pelajar manakala rubrik penilaian boleh diberikan

S31 **Rajah S31** merupakan soalan dan skema yang telah disediakan oleh Cikgu Aida bagi mata pelajaran Sains di kolej vokasional.

Soalan:	
Anemia sel sabit dan sindrom Down disebabkan oleh mutasi. Bagi setiap kecacatan tersebut, jelaskan jenis mutasi yang terlibat.	
(5 markah)	
Skema Pemarkahan:	
Anemia sel sabit -mutasi gen	1
penggantian bes	1
kod triplet/kodon asid amino keenam	1
pada rantai, <i>B</i> hemoglobin	1
asid glutamik diganti oleh valina	1
hemoglobin nonnal A menjadi hemoglobin S	1
bentuk eritrosit/sifat sel darah merah berubah	1
menjadi lebih rapuh/kurang cekap mengangkut	1
(maksimum : 5 markah)	


Rajah S31

Antara berikut yang manakah menunjukkan kelebihan menggunakan skema pemarkahan berdasarkan pernyataan di atas.

- A Memastikan item yang digubal dapat mengukur kebolehan sebenar calon yang mengambil ujian tersebut
 - B Membezakan antara indeks diskriminasi bagi setiap item supaya dapat kenal pasti item yang baik
 - C Membezakan prestasi setiap calon agar dapat membentuk ujian taburan normal yang baik
 - D Membezakan calon yang lemah dan calon yang pandai supaya senang untuk membuat pengelasan penempatan.
- S32** Dalam membuat penandaan menggunakan rubrik penilaian, Cikgu Mahmud cenderung untuk memberikan markah yang tinggi kepada pelajar. Apakah kesan penilaian yang akan terhasil daripada tindakan Cikgu Mahmud tersebut?
- A Kesan *halo*
 - B Kesan sekatan julat
 - C Kesan tegas atau lembut
 - D Kesan kecenderungan memusat

- S33 Manakah antara berikut menerangkan **PALING TEPAT** tentang konsep taburan normal dalam pengukuran pendidikan?
- A Menentukan pengukuran yang sah dan boleh dipercayai
 - B Mengetahui kebolehtadbiran ujian dengan kebolehan pelajar
 - C Membolehkan moderasi dilaksanakan pada markah pelajar
 - D Menentukan kesesuaian ujian yang dilaksanakan dengan kumpulan pelajar

- S34 **Rajah S34** adalah menggambarkan elemen yang ada dalam konsep penajaran konstruktif.



Rajah S34

- Apakah elemen X?
- A Pengajaran pembelajaran
 - B Perancangan pengajaran
 - C Penyampaian pengajaran
 - D Kaedah pengajaran
- S35 Apakah kaedah pentaksiran yang paling sesuai untuk mengukur pengetahuan dan pemahaman yang mudah?
- A Soalan esei
 - B Soalan lisan
 - C Respon dipilih
 - D Pentaksiran sendiri
- S36 Apakah tujuan pentaksiran sebagai pembelajaran?
- A Menggalakkan pelajar membuat pemantauan sendiri terhadap pembelajaran
 - B Digunakan untuk melaporkan kepada ibu bapa tentang prestasi pelajar
 - C Meningkatkan kebolehpercayaan dalam pentaksiran pembelajaran pelajar
 - D Menambahkan pengetahuan dan kemahiran pelajar secara berterusan

- S37** Bagaimanakah cara menentukan tahap kesukaran item bagi soalan yang akan dibina?
- A Dengan merujuk kepada peratus pelajar jawab betul bagi sesuatu item yang akan dibina
- B Dengan merujuk kepada tahap dalam taksonomi pembelajaran yang ingin dicapai dalam item
- C Dengan merujuk kepada kebarangkalian pelajar akan jawab dengan betul bagi item yang dibina
- D Dengan merujuk kepada nilai diskriminasi pada item yang positif pada item yang dibina
- S38** Apakah yang dimaksudkan dengan aras kesukaran item?
- A Kesukaran dalam menjawab soalan
- B Peratus pelajar jawab betul bagi satu item
- C Respon pelajar berdasarkan domain taksonomi
- D Diskriminasi yang wujud antara pelajar lemah dan pandai
- S39** Antara berikut yang manakah menunjukkan perbezaan yang tepat di antara kaedah pemarkahan holistik dengan kaedah pemarkahan analitik?


	Pemarkahan holistik	Pemarkahan analitik
A	Sesuai untuk pemeriksa yang berpengalaman	Sesuai untuk pemeriksa baru dan kurang pengalaman
B	Mempunyai kriteria yang terperinci	Mempunyai kriteria yang umum dan menyeluruh
C	Mengambil masa yang lama untuk memeriksa skrip	Mengambil masa yang sekejap untuk memeriksa skrip
D	Bertujuan untuk memberi maklumbalas kepada ibubapa	Bertujuan untuk memberi maklumbalas kepada pelajar

- S40** Manakah antara berikut merupakan isu dalam pembinaan item objektif?
- A Soalan objektif sangat mudah untuk dibina dan ditanda
- B Tidak dapat bertanyakan soalan dalam kandungan topik yang luas
- C Tidak dapat mengukur pelbagai aras dalam soalan yang ditanyakan.
- D Cenderung bertanyakan soalan yang mempunyai tahap pengetahuan rendah
- S41** Cikgu Ahmad hendak melaksanakan peperiksaan buka buku kepada pelajar tingkatan 5. Manakah antara berikut merupakan jenis soalan yang **PALING SESUAI** bagi soalan buka buku?
- A Item respon bebas
- B Item respon terbuka
- C Item respon terpandu
- D Item respon tetap

- S42** Cikgu Ramli ingin membina rubrik dengan cepat. Rubrik tersebut akan digunakan oleh sebilangan pakar dalam projek yang dihasilkan oleh pelajar. Penilaian tersebut tidak menitik beratkan maklumbalas kepada pelajar. Apakah jenis rubrik yang sesuai dibina oleh Cikgu Ramli?
- A Rubrik analitik
 - B Rubrik holistik
 - C Rubrik berasaskan tugas generik
 - D Rubrik berasaskan tugas spesifik
- S43** Apakah taksonomi objektif pembelajaran Bloom yang memfokuskan sikap, kegemaran penghargaan dan penyesuaian?
- A Afektif
 - B Kognitif
 - C Psikologi
 - D Psikomotor
- S44** Item X mengandungi dua kumpulan objek atau perkara yang berkaitan. Calon dikehendaki menjawab item ini dengan menggunakan garis untuk menanda kedua-dua objek atau yang berkaitan.
- Apakah jenis Item X?
- A Item padanan
 - B Item pengelasan
 - C Item cantuman sesuai
 - D Item isi tempat kosong
- S45** Apakah yang dimaksudkan dengan pengukuran subjektif?
- A Jawapan tunggal
 - B Maklumbalas lanjutan
 - C Pengukuran yang stabil
 - D Bergantung kepada pemeriksa

S46 **Rajah S46** menunjukkan hubungkait antara pentaksiran, pengukuran, pengujian dan penilaian bagi pentaksiran baharu.

Apakah "X" dalam **Rajah S46**?




Rajah S46

- A Penilaian
B Pengujian
C Pengukuran
D Pentaksiran
- S47 Manakah antara berikut merupakan kaedah pentaksiran yang **PALING SESUAI** untuk mengukur pemahaman mendalam dan penakulan?
A Esei
B Prestasi
C Pemerhatian
D Respon dipilih
- S48 Berdasarkan Taksonomi Bloom (1956), apakah tahap yang merujuk kepada hasil pembelajaran yang meminta pelajar mencantumkan beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baharu?
A Analisis
B Aplikasi
C Penilaian
D Sintesis
- S49 Apakah aras yang paling tinggi dalam Taksonomi Bloom (1956)?
A Analisis
B Aplikasi
C Penilaian
D Sintesis

S50 Apakah aras dalam domain kognitif Bloom yang paling sesuai dikaitkan dengan tahap kemahiran pelajar yang boleh membezakan, memilih dan juga memastikan sesuatu perkara?

- A Analisis
- B Kefahaman
- C Penciptaan
- D Sintesis

S51 **Rajah S51** Menunjukkan aras taksonomi bloom kognitif disemak semula. Apakah "X" dalam Rajah tersebut?



Rajah S51

- A Menilai
- B Mengingat
- C Mengaplikasi
- D Menganalisis

S52 Manakah antara berikut menunjukkan aras bagi proses menguji kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu?

- A Mengingati
- B Memahami
- C Menganalisis
- D Mengaplikasi

S53 Soalan X menghendaki pelajar untuk mencerakinkan maklumat-maklumat atau bahagian-bahagian sesuatu subjek atau isu yang diberikan kepada bahagian yang lebih kecil untuk lebih difahami sehingga dapat membentuk satu pertalian yang jelas.

Apakah aras yang sesuai bagi soalan X tersebut?

- A Menilai
- B Mencipta
- C Menganalisis
- D Mengaplikasi

- S54** Soalan Y mengehendaki pelajar untuk menggunakan rumus matematik yang sesuai bagi menyelesaikan masalah mengikut situasi yang diberikan. Permasalahan yang diberikan dalam Soalan Y sama dengan soalan yang telah diajarkan di dalam kelas.

Apakah aras yang sesuai bagi soalan Y?

- A Mengingati
- B Memahami
- C Menganalisis
- D Mengaplikasi

- S55** Soalan Z mengehendaki pelajar untuk memberikan justifikasi terhadap beberapa cadangan atau idea yang dikemukakan untuk memilih yang terbaik.

Apakah aras yang sesuai bagi Soalan Z?

- A Menilai
- B Mencipta
- C Menganalisis
- D Mengaplikasi

- S56** Pilih susunan yang tepat bagi domain afektif dari bawah ke atas.

- A Menerima, mengorganisasi, menilai, memberi maklumbalas, menghargai nilai
- B Menilai, memberi maklumbalas, menerima, menghargai nilai, mengorganisasi
- C Menerima, memberi maklumbalas, menilai, mengorganisasi, menghargai nilai
- D Memberi maklumbalas, menerima, menilai, mengorganisasi, menghargai nilai

- S57** Apakah aras kelima dalam domain psikomotor Simpson (1972)?

- A Adaptasi
- B Mekanisme
- C Respon berpandu
- D Respon ketara kompleks

- S58** Soalan S bertujuan untuk mengukur proses pemikiran, daya kreatif, inferensi, keaslian idea, induksi dan imaginasi lebih tinggi bagi seseorang pelajar. Pelajar juga bebas menjawab atau menghurai idea atau pendapat.

Apakah jenis soalan yang sesuai bagi Soalan S?

- A Item terhad
- B Item terbuka
- C Item berpandu
- D Item berstruktur

- S59** Manakah antara berikut merupakan amalan baik dalam pembinaan soalan subjektif?
- A Soalan asli dan baharu
 - B Menyediakan pilihan soalan
 - C Gunakan ayat dalam petikan buku teks
 - D Utamakan pernyataan yang positif dan ayat pasif
- S60** Manakah antara berikut merupakan kelebihan bagi soalan subjektif?
- A Mudah untuk membuat penskoran
 - B Memerlukan pemeriksa yang pakar
 - C Mempunyai nilai diagnostik yang tinggi
 - D Mengalakkan pelajar berfikir aras tinggi
- S61** Apakah yang dimaksudkan dengan “proses pemberian nilai kuantitatif terhadap respons jawapan yang diberikan oleh calon berdasarkan skema yang telah ditetapkan?”
- A Skema
 - B Pemarkahan
 - C Skema pemarkahan
 - D Rubrik penilaian
- S62** Berapakah bilangan skala penarafan yang **TERBAIK** bagi pembinaan rubrik penilaian?
- A 3
 - B 4
 - C 5
 - D 6
- S63** Manakah antara berikut merupakan kaedah yang sesuai untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan keobjektifan dalam penandaan soalan subjektif?
- I Menanda mengikut urutan skrip jawapan
 - II Tidak mengenal identiti pelajar
 - III Memahami tugas soalan dengan jelas
 - IV Menggunakan skema holistik
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I dan III sahaja
 - D I dan IV sahaja

Soalan S64 sehingga **Soalan S66** adalah berdasarkan **Jadual S64**. **Jadual S64** merupakan keputusan bagi soalan aneka pilihan yang telah diperolehi oleh sekumpulan pelajar bagi kursus Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan di sebuah institusi. Jadual tersebut menunjukkan keputusan bagi item 2. Pilihan jawapan C adalah jawapan yang betul.

Jadual S64

ITEM 2				
Pelajar/Opsyen	A	B	C**	D
Kumpulan Tinggi	1	0	14	0
Kumpulan Rendah	1	3	10	1

S64 Berdasarkan **Jadual S64** tentukan indeks kesukaran, p .

- A 0.03
- B 0.07
- C 0.80
- D 0.10

S65 Berdasarkan **Jadual S64**, tentukan indeks diskriminasi, d .

- A -0.20
- B -0.07
- C 0.00
- D 0.27

S66 Buat kesimpulan berdasarkan kepada maklumat yang terdapat pada **Jadual S64**.

- I Item 2 merupakan item yang mudah.
 - II Pilihan jawapan B dan D adalah indeks pengganggu yang baik.
 - III Indeks diskriminasi yang negatif menunjukkan distraktor yang baik.
 - IV Item ini boleh diterima jika pengganggu D diubahsuai.
- A I sahaja
 - B I dan II sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S67 Manakah antara berikut merupakan elemen bagi pentaksiran kompetensi?

- I Pengetahuan
 - II Kemahiran
 - III Sikap
 - IV Psikologi
-
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

S68 Susun proses untuk membuat analisis kualiti item bagi item pelbagai pilihan?

- I Memindahkan respons pelajar ke dalam jadual
 - II Menyusun kertas jawapan pelajar mengikut turutan skor
 - III Mengasingkan kertas jawapan pelajar kepada 2 kumpulan
 - IV Memberikan skor kepada jawapan pelajar
-
- A IV, I, II, III
 - B IV, II, III, I
 - C I, II, III, IV
 - D IV, II, I, III

S69 Apakah kesan fizikal yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa menjalani peperiksaan?

- I Jantung berdebar
 - II Tengkok tegang
 - III Tangan menggeletar
 - IV Bersemangat menjawab soalan
-
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV


- S70 **Jadual S70** menunjukkan keputusan lima orang pelajar dalam bentuk skor-z bagi tiga matapelajaran. Manakah kesimpulan yang betul berdasarkan keputusan tersebut?

Jadual S70

Pelajar	Matematik	Bahasa Malaysia	Geografi
Ahmad	1.9	2.0	1.8
Hasnah	-2.3	-1.6	-2.1
Ah Meng	0.9	-2.1	0.0
Maniam	1.1	0.8	1.9
Silvia	-1.5	2.2	0.4

- I Skor Ahmad paling tinggi dan skor Hasnah pula adalah rendah bagi matapelajaran matematik
- II Secara keseluruhan, Ahmad pelajar paling pandai manakala Hasnah paling lemah
- III Prestasi Ah Meng dalam Bahasa Malaysia adalah tidak sama dengan prestasi Hasnah dalam Geografi
- IV Prestasi Ah Meng adalah sama dengan markah min bagi subjek geografi
- A I sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV
- S71 Apakah fungsi analisis item?
- I Menggugurkan item yang kurang jelas maksudnya
- II Menentukan item yang terlalu senang atau susah
- III Membaiki semula item-item yang didapati tidak baik
- IV Mengubah markah pelajar semula kerana didapati ada item yang tidak baik
- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

- S72** Rajah S72 menunjukkan sebuah pencongan bagi sebuah kecenderungan memusat. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan rajah tersebut.



Rajah S72

- I Ujian terlalu senang.
II Pencapaian pelajar adalah rendah.
III Banyak skor di paras min, median dan mod.
IV Banyak pelajar mendapat skor yang lebih tinggi dari skor min.
- A I sahaja
B I dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S73** Manakah antara berikut tujuan pembinaan soalan esei?
- I Esei disoal pada peperiksaan akhir
II Pelajar dapat menyumbangkan jawapan
III Untuk menguji tahap kognitif yang pelbagai
IV Soalan boleh disimpan supaya boleh digunakan lagi
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S74 Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang **BENAR** bagi menggambarkan kepentingan membuat analisis item.

- I Mengenal pasti konsep yang perlu diajar semula iaitu apabila guru mendapati soalan berkenaan tidak dapat dijawab oleh sebahagian besar pelajar.
 - II Mengenal pasti dan melaporkan kekuatan serta kelemahan bahagian-bahagian kurikulum iaitu boleh dikuasai pelajar dan yang tidak boleh dikuasai pelajar.
 - III Memberi maklum balas kepada pelajar tentang kekuatan dan kelemahan mereka bagi setiap tajuk pengajaran yang diuji.
 - IV Mengenal pasti soalan yang bias kepada sesuatu kandungan seperti kandungan yang ditekankan semasa pengajaran misalnya latih tubi.
- A I sahaja
 - B I dan II sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II, III dan IV

S75 Senaraikan perancangan pembinaan ujian yang baik.

- I Apa tujuan ujian
 - II Siapa yang mengambil ujian
 - III Berapa lama ujian dijalankan
 - IV Apa yang diliputi ujian
- A I, II, III sahaja
 - B I, III, IV sahaja
 - C II, III, IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S76 Antara pernyataan berikut, manakah pernyataan yang **BENAR** menerangkan konsep asas penajajaran konstruktif?

- I Pelajar perlu mengikuti segala arahan guru dalam pembelajaran
 - II Pelajar membina pengetahuan sendiri melalui aktiviti pembelajaran
 - III Pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan bukannya guru
 - IV Pembelajaran yang menekankan apa yang guru boleh buat
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C III dan IV sahaja
 - D I dan IV sahaja

S77 Apakah pertimbangan yang diambil kira dalam menentukan bilangan skala penarafan rubrik?

- I Variabiliti ukuran
- II Definisi perbezaan antara setiap tahap skala
- III Lebih banyak skala lebih tepat ukuran
- IV Kriteria yang dibangunkan

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I dan IV sahaja
- D II dan IV sahaja

S78 Manakah antara berikut merupakan amalan baik dalam pembinaan skema jawapan?

- I Memenuhi kriteria kandungan dan proses
- II Peruntukan markah berdasarkan kerencaman dan kesukaran soalan
- III Agihan skor mestilah bersesuaian dengan keperluan jawapan bagi soalan
- IV Dibina berpandukan respons yang dijangka akan dipersembahkan oleh pelajar

- A I, II dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

S79 Manakah antara berikut merupakan kepentingan skema pemarkahan?

- I Meningkatkan kejituan dan ketekalan pemeriksa
- II Menyingkirkan pemeriksa yang terlalu 'ketat' atau 'longgar'
- III Meningkatkan kesan *halo* yang dipindahkan daripada jawapan
- IV Meningkatkan keobjektifan, kesahan dan kebolehpercayaan pemarkahan

- A I, II dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

S80 Manakah antara berikut merupakan ciri utama yang perlu ada pada seseorang panel penilai bagi proses semakan soalan peperiksaan akhir?

- I Integriti dan menjaga kerahsiaan
- II Menyedari kesan semakan soalan
- III Menguasai literasi pentaksiran
- IV Mengenali penggubal soalan

- A I, II dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan esei. Jawab semua soalan dalam skrip buku jawapan yang diberikan.

S81 Bina satu Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang sesuai berdasarkan maklumat yang diberikan. Maklumat tersebut ialah:

- (i) Tempoh masa peperiksaan bagi Kursus X ialah 2 jam
- (ii) Soalan berbentuk item aneka pilihan
- (iii) Kursus X mengandungi 7 topik seperti berikut:
 - Topik 1 (2 jam pertemuan)
 - Topik 2 (2 jam pertemuan)
 - Topik 3 (4 jam pertemuan)
 - Topik 4 (3 jam pertemuan)
 - Topik 5 (2 jam pertemuan)
 - Topik 6 (1 jam pertemuan)
 - Topik 7 (2 jam pertemuan)
- (iv) Domain kognitif tertinggi bagi kursus ini ialah analisis.
- (v) Jadual mestilah lengkap bersama dengan graf taburan item.
- (vi) Taburan item mengikut prinsip pembinaan soalan.

(10 markah)

S82 Cadangkan satu borang yang sesuai digunakan oleh panel penilai dalam proses semakan soalan peperiksaan akhir. Borang itu bertujuan untuk memberikan panduan kepada panel penilai untuk mengetahui aspek dan kriteria yang perlu diperhatikan semasa proses semakan dilaksanakan. Borang tersebut juga digunakan sebagai pengesahan bahawa proses semakan soalan telah dijalankan.

(10 markah)

- SOALAN TAMAT -